

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah jangka panjang dan sederhana yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi pembelian kelapa sawit yang semakin berkurangan dari dua negara pembeli utama iaitu India dan China.

JAWAPAN

Antara langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi pembelian kelapa sawit yang semakin berkurangan dari India adalah dengan mengadakan perbincangan secara diplomatik dengan kerajaan negara tersebut bagi memperbaiki hubungan dua hala yang sedikit terjejas sebelum ini. Kerajaan berkeyakinan melalui pendekatan hubungan mesra dan akrab dengan India, ianya akan memudahkan produk-produk sawit mendapat akses pasaran yang lebih meluas di negara tersebut.

Kementerian melalui agensinya secara berterusan telah mengadakan perbincangan dua hala dengan Pesuruhjaya Tinggi India di Malaysia serta perbincangan secara maya dengan pemain industri di India seperti *Solvent Extractors Association of India (SEA)*, *Indian Vegetable Oil Producers Association (IVPA)* dan lain-lain.

YAB Perdana Menteri juga telah mengadakan perbincangan dengan Pesuruhjaya Tinggi India di Malaysia bagi menangani isu ini dan memaklumkan kesediaan beliau untuk bertemu dengan Perdana Menteri India apabila keadaan mengizinkan. Pada masa yang sama, Malaysia juga telah berusaha memastikan jurang dagangan yang berpihak kepada Malaysia dikurangkan dengan mengimport produk keluaran India seperti beras.

Kerajaan India telah membuat keputusan untuk tidak memperbaharui arahan duti import 5 peratus ke atas produk minyak sawit Malaysia. Walaupun begitu, ini tidak memberi kesan kepada eksport minyak sawit Malaysia kerana Kerajaan Malaysia mempunyai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan India.

Berikutan pemansuhan duti tersebut, jumlah eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke Negara India telah meningkat 4.9 peratus daripada 36,178.54 tan pada Mac 2020 kepada 37,956.62 tan pada Mei 2020.

Unjuran yang dibuat oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) menunjukkan bahawa sehingga akhir 2020, India dijangka akan mengimport antara 1.6 hingga 1.8 juta tan produk sawit Malaysia dan dijangka kekal menjadi antara pengimport utama pada tahun ini.

Saya juga telah berkomunikasi secara atas talian dengan Menteri Hal Ehwal Pertanian, Pemasaran, Hal Ehwal Pengguna Dan Sivil Negeri Telangana, India pada 17 Jun 2020 dan kami telah berbincang mengenai usaha meningkatkan kerjasama perdagangan antara Malaysia dan India termasuk projek usahasama dalam sektor komoditi di Telangana, Hyderabad.

Khusus bagi negara China pula, Kementerian sedang mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. Menjalinkan kerjasama dengan China melalui platform dengan izin, *Palm Oil Research and Technical Service Institute* atau PORTSIM yang terletak di Shanghai, China.

Melalui kerjasama ini, MPOB telah berjaya menyiapkan sebanyak 57 projek dan 34 projek telah pun dikomersialkan;

- ii. Meningkatkan kesedaran penggunaan minyak sawit untuk sektor makanan di China melalui penganjuran forum teknikal kepelbagaian penggunaan minyak sawit dalam produk makanan dan hasil penyelidikan pemakanan minyak sawit;
- iii. Menjalankan penyelidikan penggunaan minyak sawit dalam makanan tempatan China seperti kuih bulan yang diperbuat daripada lemak berasaskan minyak sawit, snek berasaskan minyak sawit merah, tablet susu, teh mentega, kentang putar dan lain-lain;
- iv. Meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam sektor biobahan api di China melalui usaha sama dengan Universiti Tsinghua dan TUS Deqing Clean Energy Ltd. Co. dalam kajian rintis penggunaan biobahan api sawit dalam pengangkutan sanitasi di Zhaoqing, Wilayah Guangdong, China; dan
- v. Memperluaskan penggunaan minyak sawit dalam makanan ternakan di China melalui usaha sama dengan institusi tempatan seperti kajian bersama *Hebei Agriculture University* berkaitan aplikasi minyak sawit dalam makanan ikan kap China, makanan ternakan lembu tenusu dan makanan haiwan di China.

Kerajaan juga akan mengkaji semula rundingan sedia ada bersama Kerajaan China yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sebelum ini pada tahun 2019 yang antaranya juga melibatkan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Ini untuk memastikan industri sawit negara dapat terus bersaing dan meningkatkan penguasaan pasaran di negara tersebut. Usaha ini juga akan melibatkan Kementerian Luar Negeri (KLN) dalam proses mendapatkan manfaat yang lebih baik kepada negara.

Secara amnya, Kementerian akan terus berusaha untuk memastikan pasaran minyak sawit negara kekal berdaya saing dan berkembang melalui usaha meningkatkan eksport minyak sawit ke negara-negara pengguna sedia ada. Bagi menyokong usaha ini, Kerajaan telah pun mengecualikan duti eksport minyak sawit mentah (CPO), minyak isirong sawit mentah (CPKO) dan minyak isirong sawit yang diproses (RBDPKO) sehingga 31 Disember 2020.

Antara langkah lain yang bersifat jangka sederhana dan panjang adalah:

- i. Perlaksanaan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang telah dijadikan mandatori bermula 1 Januari 2020 sebagai langkah menjenamakan minyak sawit Malaysia yang mampan dan berkualiti. Pensijilan MSPO dijangka akan membuka akses pasaran yang lebih luas untuk pasaran minyak sawit mampan di negara-negara pengimport. Pada masa ini, Kerajaan sedang bekerjasama dengan *China Green Food Development Centre (CGFDC)* bagi mendapatkan pengiktirafan pensijilan MSPO di bawah *China Green Food Certification Scheme*; dan
- ii. Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baharu serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran komoditi.

Sekian, terima kasih.